

Anwar akan imbangkan ekonomi pasaran terbuka dengan 'Occupy Wall Street'
Malaysian Insider
May 4, 2013

KUALA LUMPUR, 4 Mei — Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengatakan beliau berhasrat untuk memansuhkan polisi pro Bumiputera yang diamalkan sekarang dengan program sosial yang lebih mesra kepada semua kaum jika Pakatan Rakyat (PR) menang esok.

Dalam wawancara dengan Financial Times yang disiarkan hari ini, Ketua Pembangkang itu mengatakan sistem diamalkan sekarang memecah belahkan rakyat berbilang kaum.

"Saya menganggap ia usang dan berbahaya kepada daya saing negara," katanya mengenai program semasa tindakan afirmatif kerajaan.

Dasar Bumiputera yang telah dikritik kerana disalahgunakan oleh ahli-ahli politik untuk manfaat kroni dan syarikat-syarikat rapat dengan mereka berbanding membantu Melayu miskin.

Walaupun Barisan Nasional (BN) mempertahankan sistem itu — dengan mengatakan jumlah besar kelas menengah Melayu — Bumiputera telah dilahirkan sebagai hasilnya — Datuk Seri Najib Razak mengakui keperluan untuk menyemak semula polisi tersebut.

Presiden Umno tersebut telah merayu agar rakyat memberikan mandat untuk beliau teruskan apa yang beliau katakan sebagai lebih banyak reformasi.

BN menggelar janji pilihan raya PR sebagai mengarut. Mereka turut menawarkan pendidikan percuma dan penurunan harga minyak.

Sebagai respon, Anwar memberitahu Financial Times polisinya sebagai Perdana Menteri akan "mengimbangkan ekonomi berdasarkan pasaran dan Occupy Wall Street."

Occupy Wall Street adalah pergerakan protes yang muncul pada 2011 melawan ketidaksamaan sosial dan ekonomi, serta pengaruh yang tidak wajar perniagaan dalam kerajaan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Dalam temu bual dengan Financial Times Anwar juga menegaskan PAS - satu pertiga daripada tiga parti PR - mempunyai hak untuk menyokong pemerintahan Islam. Tetapi itu tidak bermakna beliau menyokong undang-undang Islam, katanya.

"Saya bukan di sini untuk mempertikaikan undang-undang Al-Quran, tetapi kita tidak boleh memaksa orang bukan Islam untuk mematuhi dan kita terikat dengan jaminan perlembagaan."

Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) dilihat terikat untuk memenangi Pilihan Raya 2013 dengan ekonomi menjadi isu pokok menjelang pilihan raya 5 Mei depan, menurut kaji selidik Merdeka Center.

Penyelidik itu mendapati 42 peratus pengundi mengakui PR perlu diberikan peluang untuk mentadbir negara berbanding 41 peratus yang mengatakan hanya BN yang boleh mentadbir negara.

Tambahnya empat peratus pengundi enggan memberikan maklum balas sedangkan 13

peratus pengundi mengatakan "tidak tahu."

"Berdasarkan keputusan kaji selidik dan jangkaan pilihan raya bersih dan adil, kami menjangkakan tiada parti sama ada Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat akan mendahului setakat 9.30 pagi pada 2 Mei 2013."

Dianggarkan 13.3 juta rakyat Malaysia termasuk 5,200 pengundi luar negara layak mengundi bagi 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi negeri tidak termasuk 71 peratus kerusi Sarawak yang telah berlangsung pada 2011.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-akan-imbangkan-ekonomi-pasaran-terbuka-dengan-occupy-wall-street/>